

Kenal pasti kerosakan tebing sungai

KUALA SELANGOR - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor mengenal pasti punca kerosakan tebing sungai yang runtuh selepas banjir melanda Kampung Rantau Panjang, di sini, sebelum permohonan peruntukan untuk kerja pembaikan dibuat.

Jurucakap JPS Daerah Kuala Selangor berkata, pemantauan dan siasatan sudah dilaksanakan pegawai yang bertanggungjawab dan kerosakan terbabit akan dimasukkan dalam senarai kerja pembaikan.

"Permohonan peruntukan untuk kerja pembaikan sudah dikemukakan kepada JPS Selangor dan pihak JPS memberi jaminan kerosakan akibat tebing sungai runtuh itu tidak mengundang bahaya kepada penduduk memandangkan jarak agak jauh.

"Cuma jalan yang menghubungkan kawasan penempatan itu berhampiran tebing, namun setakat ini masih boleh digunakan," katanya ketika diminta mengulas aduan penduduk berhubung tebing yang runtuh selepas banjir melanda kawasan itu pada 6 Mei lalu.

Sebelum ini, Penghulu Mukim Bestari Jaya, Hanis Zahari yang mewakili penduduk memohon tindakan segera bagi



Kawasan tebing sungai yang runtuh selepas kawasan penempatan penduduk di Kampung Rantau Panjang dilanda banjir.

mengatasi masalah runtuhnya tebing itu.

Menurutnya, penduduk bimbang kerosakan tebing itu akan mengundang bahaya kepada mereka terutamanya kanak-kanak yang bermain di kawasan terbabit tanpa pemantauan ibu bapa.

Banjir yang melanda Kampung Rantau Panjang, di sini, disifatkan antara yang terburuk tahun ini berikutan air melimpah secara tiba-tiba selepas hujan

lebat selama lapan jam dan menjejaskan 32 keluarga.

Seramai 110 penduduk ditempatkan sementara di Balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Rantau Panjang bermula 6 Mei lalu sebelum dibenarkan pulang pada 11 Mei untuk mengemas dan mengenal pasti kerosakan yang ditanggung.